

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN HARI KUALITI & INOVASI 2014  
PADA HARI KHAMIS, 15 MEI 2014, PUKUL 10:00 PAGI  
DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara dan saudari pengacara majlis,

Encik Wan Nazrul Helmy dan Puan Nor Asyikin;

Rakan-rakan saya:

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor(Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Shamsuddin Baharin,

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti);

Haji Mustafa Ibrahim,

Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,

Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,

Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat

Tanggungjawab;

Para penerima anugerah yang diraikan;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Warga kerja UMP yang dikasihi;

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izn-Nya, maka kita dapat bertemu dalam majlis pada pagi ini.
2. Universiti Malaysia Pahang amat berbesar hati kerana sekali dapat mengelolakan Hari Kualiti & Inovasi sebagai satu acara tahunan bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan cemerlang para warga kerjanya terhadap pencapaian Universiti ini.
3. Sesungguhnya, penganjuran Hari Kualiti & Inovasi ini mendukung satu objektif utama, iaitu warga kerja yang memberi sumbangan cemerlang kepada peningkatan aras pencapaian UMP perlu diberikan ganjaran dan pengiktirafan yang sewajarnya.

4. Maka, dalam semangat agenda transformasi yang kini digerakkan oleh Kerajaan, kecemerlangan perkhidmatan warga kerja di Universiti ini didasari tiga petunjuk utama iaitu Kualiti, Inovasi dan Kreativiti.
5. Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 menuntut komitmen tinggi dan kesungguhan yang luar biasa, dan bukannya 'biasa-biasa' daripada para warga kerja di Universiti ini untuk berperanan dalam perimeter tanggungjawab masing-masing.
6. Saya telah memperingatkan sebelum ini bahawa soal komitmen, kesungguhan dan peranan bukanlah semata-mata terbatas kepada kumpulan pengurusan atau peringkat pelaksanaan tertentu sahaja.
7. Sebaliknya, komitmen, kesungguhan dan peranan tersebut adalah bersifat holistik kepada semua kumpulan pengurusan dan peringkat pelaksanaan iaitu para akademik dan birokrat, kumpulan pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional serta pelaksana, merentasi semua skim perkhidmatan dan gred jawatan.

8. Realiti tersebut memberi petunjuk bahawa tiada sesiapa pun yang terkecuali daripada tanggungjawab untuk melaksanakan agenda Pelan Strategik UMP.
9. Malah, warga kerja UMP juga sedia maklum bahawa pemarkahan Laporan Nilai Prestasi Tahunan mereka turut merangkumi aspek sumbangan kepada Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Universiti sebagai kriteria penilaian.

### **MEDAN PENGIKTIRAFAN**

10. Yang Hormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Bagi maksud memelihara integriti dan prestijnya, maka penilaian kriteria-kriteri bagi anugerah-anugerah yang akan disampaikan sempena Hari Kualiti & Inovasi 2014 ini telah diberikan perhatian yang amat serius oleh pihak pengurusan UMP.

11. Kita amat menyedari bahawa dalam konteks perkhidmatan dan sistem penyampaian, kualiti merupakan satu aspek yang tidak boleh dikompromi. Maka, penilaian bagi calon-calon penerima anugerah sempena Hari Kualiti & Inovasi ini telah dimuktamadkan setelah melalui proses saringan dan perakuan.
  
12. Majlis pada pagi ini akan menyaksikan penyampaian lapan jenis anugerah iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Hadiah Kumpulan Inovatif & Kreatif, Hadiah Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S), Hadiah ICT (K-Portal), Hadiah Penerbitan, Anugerah Kualiti Naib Canselor dan Anugerah Cemerlang.
  
13. Anugerah dan hadiah tersebut adalah di peringkat individu, kumpulan dan pusat tanggungjawab. Ini menunjukkan bahawa kecemerlangan prestasi UMP bermula dengan kecemerlangan prestasi individu yang mengoperasikannya.

14. Warga kerja yang mengoperasikan Universiti ini pula terbahagi kepada Pusat-pusat Tanggungjawab yang tertentu, sama ada yang bersifat pentadbiran atau akademik. Kecemerlangan Pusat-pusat Tanggungjawab ini juga bergantung kepada prestasi warga kerja di dalamnya dan ini juga akan memberi gambaran kepada realiti pencapaian KPI-KPI kita.
15. Oleh sebab itulah, budaya kerja cemerlang yang berteraskan kualiti, inovasi dan kreativiti memerlukan perhatian serius, lebih dari sekadar satu slogan, bahkan diterjemahkan dengan berkesan di semua peringkat pengurusan Universiti ini.
16. Dalam hubungan tersebut, saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak bahawa agenda transformasi kerajaan perlu digerakkan oleh warga penjawat awam yang dinamik dan berwawasan perlu diberi perhatian yang serius.

17. Seperti aur dengan tebing, saya pernah menyatakan bahawa hubungan dan saling kaitan antara pelbagai Pusat Tanggungjawab dan para warga kerja di Universiti adalah bersifat organik dan simbiotik iaitu saling perlu memerlukan antara satu sama lain.
  
18. Ini menuntut kejelasan hala tuju yang mendasari perjalanan strategik UMP. Dengan semangat kesatuan pemikiran dan kesatuan tindakan semua entiti pengurusan dan warga kerja Universiti ini untuk mendakap budaya kerja cemerlang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi.
  
19. Dalam fasa pecutan terakhir Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang diikuti pula dengan peralihan kepada Pelan Strategik UMP 2016-2020, ini merupakan satu cabaran yang besar.

20. Aspek-aspek penting yang mendasari kualiti dan inovasi merupakan rangkaian nilai tambah kepada kaedah operasi dan sistem penyampaian perkhidmatan oleh UMP. Maka, penterjemahan nilai kualiti dan inovasi secara berterusan di setiap Pusat Tanggungjawab akan menyumbang secara langsung kepada aras prestasi UMP.
  
21. Oleh kerana persepsi umum dan pemegang taruh terhadap Universiti ini telah distrukturkan dalam pelbagai bentuk standard penilaian dan pengauditan, maka keupayaan untuk menyenggara satu sistem penyampaian yang efisien, efektif dan fasilitatif merupakan antara faktor yang kritikal untuk diberi perhatian.

### **KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN**

22. Tuan-tuan dan puan-puan,

Selain menjadi medan pengiktirafan, saya juga amat sukacita kerana majlis pada hari ini juga menyaksikan pelancaran enam buku hasil inisiatif Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa UMP untuk manfaat warga dalaman dan juga rujukan pihak luar.

23. Melalui penganjuran Hari Kualiti & Inovasi ini, pihak pengurusan UMP berharap supaya aspek pengisiannya (*substance*) perlu terlebih dahulu diberi keutamaan untuk dihayati berbanding bentuknya (*form*). Majlis ini hanyalah satu simbolik yang bersifat tahunan, namun kualiti, inovasi, kreativiti dan kecemerlangan itu berterusan sifatnya sepanjang tahun untuk dilaksanakan.
24. Mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para warga kerja yang terpilih sebagai penerima anugerah sempena Hari Kualiti & Inovasi UMP 2014. Semoga kejayaan ini memotivasikan anda untuk terus meningkatkan prestasi dan menjadi teladan kepada rakan-rakan sekerja.
25. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti sebagai urus setia utama Hari Kualiti & Inovasi UMP 2014 dengan dibantu oleh Pusat-pusat Tanggungjawab lain atas pengelolaan majlis pada hari ini.

26. Mudah-mudahan Allah Ta'ala terus melimpahkan rahmat peliharaannya kepada kita semua untuk terus berkhidmat cemerlang dalam naungan kekuatan, kesejahteraan dan keselamatan, *Ameen*.
27. Dengan harapan dan doa tersebut serta lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Kualiti & Inovasi UMP 2014.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.